



# KOPI PAHIT

Pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei sudah menetapkan bahanwa selewat-lewatnya 31 Ogos 1963 Malaysia ditubuhkan mereka. Masanya harus lebih lekas daripada itu. Sukarno dengan komplotnya ribut-ribut. Mereka cuba pakai ugut, kuatkan senjata dan mau siap-siap. Kalau nanti terbukti Malaysia terbentuk – Apakah Sukarno mau angkat senjata? Cuba-cuba bung, kalau-kalau nanti bertemu buku dengan ruas.

\* \* \*

Njoto, pemimpin komunis nombor dua di Indonesia bilang Amerika musuh Indonesia nombor satu. Amerika sudah banyak tolong sama Indonesia sehingga dapat mengurangkan kelaparan sebahagian tempat di Indonesia sedang orang-orang komunis mau masih lapar bangsa Indonesia supaya mudah dipengaruhi. Apakah perbuatan Njoto ini sebagai bangsa Indonesia seperti perbuatan susu dibalas dengan tuba? Kalau begini sifatnya orang ini orang apa? Tanya sama bung Karno!

\* \* \*

Sebuah majalah Medan dikatakan menyiaran berita bahawa P. Ramlee terpaksa bercerai dengan Saloma sebab Tengku hendakkan Saloma. *Mā shā-Allāh* – Apakah Tengku Abdul Rahman mau disamakan dengan pemimpin-pemimpin Indonesia yang selalu mata keranjang tidak boleh nampak kening

licin. Apakah Tengku berkelakuan seperti itu ke mana negeri pergi wanita dicari sehingga mau naik haji pun berfoya-foya dahulu. Isteri orang juga tidak ada kecualinya – kan orang di Malaya tahu riwayat Hartini, anak-anak dan lain-lainnya? Jangan semut di seberang nampak gajah di tepi mata tidak nampak.

\* \* \*

Semua pertubuhan-pertubuhan di Persekutuan kompak berdiri di belakang kerajaan untuk menghadapi konfrontasi dikecualikan PAS. Mengapa? PAS barangkali fikir kerajaan Indonesia yang ada sekarang cukup baik sehingga gerakan Islam di Indonesia mati langsung. Badan-badan Islam yang menegakkan Islam diharamkan, pemimpin-pemimpinnya ditangkapi – khutbah Jumaat diatur dan disusun memuja-muja orang yang membuat ‘āṣī. Apakah PAS tidak bertanggungjawab terhadap penderitaan saudara-saudaranya umat Islam di Indonesia? Tanya Ustaz Zulkifli Muhammad untuk memberi sebab-sebabnya.

\* \* \*

Dalam siaran televisi Singapura seorang doktor telah memberi sebab-sebab mengapa penyakit demam kepialu di Singapura bertambah. Di antara sebab-sebabnya yang besar ialah kurang kebersihan makanan yang dijual di tepi-tepi jalan dengan menunjukkan bagaimana barang-barang itu dimasak dan bagaimana tempat-tempat membasuh pinggan mangkuk yang digunakan dicuci. Ringkasnya kekotoran berbahaya tetapi sepanjang simpang jualan-jualan dan tempat-tempat jualan makanan yang kotor dan melimpah-limpah airnya yang bertakung dibiarkan sahaja. Soalnya, kebersihan mustahak yang menghairankan mengapa Kementerian Kesihatan tidak mengambil langkah? Sebabnya, tanya sama